



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **CABARAN DALAM MENYESUAIKAN GAYA PEMBELAJARAN MURID ORANG ASLI DI DALAM KELAS FIZIK: SATU KAJIAN KES**

**AMIEN AMIERUL BIN AMZZAH @ NAYAWAI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2024**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**BORANG PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN****SFR3996 PROJEK PENYELIDIKAN (AT12)****JABATAN FIZIK, FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK, UPSI**

Perakuan ini telah dibuat pada 30 Julai 2024

**i. Perakuan Pelajar:**

Saya, Amien Amierul bin Amzzah @ Nayawai, nombor matrik D20202096481 dari Fakulti Sains dan Matematik dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk "Cabaran Dalam Menyesuaikan Gaya Pembelajaran Murid Orang Asli Di Dalam Kelas Fizik: Satu Kajian Kes" adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak

cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Tandatangan Pelajar:

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya Dr. Anis Diyana Binti Halim dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk "Cabaran Dalam Menyesuaikan Gaya Pembelajaran Murid Orang Asli Di Dalam Kelas Fizik: Satu Kajian Kes" dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Jabatan Fizik, Fakulti Sains dan Matematik bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Fizik) dengan Kepujian.

Tarikh: 31 Julai 2024

Tandatangan &amp; Cop Penyelia:

DR. ANIS DIYANA BT HALIM  
Penyariah Kanan (DS51)  
Jabatan Fizik Fakulti Sains dan Matematik  
Universiti Pendidikan Sultan Idris



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Penyesuaian gaya pembelajaran murid Orang Asli dalam pengajaran guru penting bagi meningkatkan kualiti pembelajaran mereka di dalam kelas Fizik. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang dimiliki oleh murid Orang Asli di dalam kelas Fizik serta mengenal pasti cabaran yang dilalui murid Orang Asli dalam menyesuaikan gaya pembelajaran di dalam kelas Fizik. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk kajian kes. Ia melibatkan beberapa kaedah pengumpulan data iaitu temubual, pemerhatian, dan borang refleksi kendiri. Dua orang murid Orang Asli dipilih daripada sebuah sekolah menengah yang terpilih sebagai sampel kajian melalui kaedah persampelan bertujuan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik melalui perisian Atlas.ti. Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa murid Orang Asli cenderung untuk memiliki gaya pembelajaran secara visual dan kinestetik. Murid yang mempunyai gaya pembelajaran visual lebih menyukai penggunaan video atau gambar semasa pembelajaran di dalam kelas Fizik. Sebaliknya, murid dengan gaya pembelajaran kinestetik lebih menyukai aktiviti yang melibatkan pergerakan semasa pembelajaran. Selain itu, analisis kajian juga menunjukkan beberapa cabaran utama yang dilalui oleh murid Orang Asli dalam menyesuaikan gaya pembelajaran mereka di dalam kelas Fizik. Cabaran yang dikenal pasti adalah murid Orang Asli merasakan bahawa mata pelajaran Fizik adalah sukar, murid juga merasakan bahawa kelas Fizik adalah membosankan, kedudukan tempat duduk di dalam kelas yang tidak sesuai menyukarkan murid untuk melihat papan putih atau berinteraksi dengan rakan sekelas, serta terdapat gangguan visual di dalam kelas seperti kedudukan papan putih, pencahayaan dalam makmal, dan penggunaan penanda berwarna merah yang menyukarkan mereka untuk fokus dan mengikuti pelajaran. Kajian ini menunjukkan bahawa murid Orang Asli dapat mengenal pasti gaya pembelajaran mereka, yang membolehkan mereka meningkatkan kualiti pembelajaran dalam kelas Fizik. Di samping itu, guru dapat merancang strategi pembelajaran yang baharu berdasarkan gaya pembelajaran murid Orang Asli, seterusnya mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas Fizik.

**Kata Kunci :** Gaya pembelajaran, Cabaran, Fizik, Visual, Kinestetik





## ABSTRACT

Adapting the learning styles of Orang Asli students in teaching is crucial for enhancing their learning quality in Physics classes. This study aims to identify the learning styles of Orang Asli students in Physics classes and to recognize the challenges faced by these students in adapting their learning styles. This qualitative case study involves multiple data collection methods, including interviews, observations, and self-reflection forms. Two Orang Asli students from a selected secondary school were chosen as study samples through purposive sampling. The collected data were analyzed using thematic analysis with Atlas.ti software. The study's findings reveal that Orang Asli students tend to have visual and kinesthetic learning styles. Students with visual learning styles prefer the use of videos or images during Physics lessons. Conversely, students with kinesthetic learning styles favor activities that involve movement during learning. Additionally, the study identifies several major challenges faced by Orang Asli students in adapting their learning styles in Physics classes. These challenges include the perception that Physics is difficult, the feeling that Physics classes are boring, unsuitable classroom seating arrangements that hinder students from seeing the whiteboard or interacting with classmates, and visual distractions in the classroom such as the whiteboard's position, laboratory lighting, and the use of red markers that make it hard for students to focus and follow lessons. This study demonstrates that Orang Asli students can identify their learning styles, which enables them to enhance the quality of their learning in Physics classes. Moreover, teachers can plan new teaching strategies based on the learning styles of Orang Asli students, thereby improving the effectiveness of teaching and learning in Physics classes.

**Keywords:** Learning styles, Challenges, Physics, Visual, Kinesthetic





## Penghargaan

Dengan nama Allah dan segala puji-pujian ke atasMu Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga serta sahabat-sahabat baginda. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kajian ini dapat dijalankan dan disempurnakan pada masa yang ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih yang tulus ikhlas ditujukan khas kepada pensyarah pembimbing yang dihormati, Dr. Anis Diyana Bt Halim serta pensyarah SFR3996 Projek Penyelidikan Akhir Tahun, Dr. Nurul Syafiqah Yap Abdullah atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang proses kajian ini dijalankan sehingga penulisannya dapat disiapkan. Semangat, kegigihan, dan kesabaran mereka sepanjang kajian ini dijalankan amatlah saya hargai dan tidak akan dilupakan. Mereka bukan sahaja memberikan bimbingan akademik, tetapi juga sokongan moral yang tidak ternilai, yang sangat membantu dalam memastikan kelancaran proses kajian ini. Keikhlasan dan komitmen mereka telah menjadi sumber inspirasi yang amat bermakna bagi saya.



Tidak lupa juga, penghargaan yang setulus hati ditujukan kepada kedua-dua ibu bapa saya yang tersayang. Tanpa doa, sokongan, dan dorongan mereka, saya tidak mungkin dapat mencapai kejayaan ini. Kasih sayang dan pengorbanan mereka selama ini menjadi sumber kekuatan dan inspirasi kepada saya untuk terus berusaha dan tidak mudah berputus asa. Mereka sentiasa berada di sisi saya, memberikan motivasi dan semangat tatkala saya menghadapi kesukaran dalam proses kajian ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua rakan-rakan yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan kajian ini. Rakan-rakan yang sentiasa bersedia untuk membantu, berkongsi pandangan, dan memberikan sokongan moral telah menjadi sebahagian daripada kejayaan kajian ini.

Akhir kata, saya juga berharap agar kajian ini dapat memberikan impak positif kepada bidang pendidikan dan membantu dalam memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran di masa hadapan. Terima kasih sekali lagi kepada semua yang telah terlibat dan menyokong perjalanan kajian ini.





## Senarai Kandungan

Borang Pengakuan Keaslian Penulisan	1
Abstrak	2
Abstract	3
Penghargaan	4
Senarai Kandungan	5
Senarai Rajah	8
Senarai Gambar	9
Senarai Lampiran	10

### BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pengenalan	11
1.2 Latar Belakang Kajian	14
1.3 Pernyataan Masalah	15
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Persoalan Kajian	17
1.6 Kerangka Konsep Kajian	17
1.7 Kepentingan Kajian	19
1.8 Batasan Kajian	20
1.9 Definisi Operasi	21
1.10 Rumusan	22

### BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	23
2.2 Teori Pembelajaran Behaviorisme	24
2.3 Gaya Pembelajaran	25
2.4 Model Gaya Pembelajaran	





2.4.1 Model Dunn & Dunn	26
2.4.2 Model Vark	27
2.5 Cabaran Menyesuaikan Gaya Pembelajaran	30
2.5.1 Persekitaran Bilik Darjah	30
2.6 Rumusan	31

### BAB 3 : METODOLOGI

3.1 Pengenalan	32
3.2 Reka Bentuk Kajian	33
3.3 Peserta Kajian	34
3.4 Kaedah Kajian	34
3.4.1 Pemerhatian	35
3.4.2 Temu Bual	35
3.4.3 Refleksi Kendiri	36
3.5 Instrumen Kajian	36
3.5.1 Rubrik Pemerhatian	37
3.5.2 Protokol Temu Bual	37
3.5.3 Borang Refleksi Kendiri	37
3.6 Kesahan	38
3.6.1 Dapatan Data Kesahan	39
3.7 Kebolehpercayaan	45
3.8 Prosedur Pengumpulan Data	46
3.9 Kaedah Menganalisis Data	48
3.10 Rumusan	52

### BAB 4 : DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	53
4.2 Gaya Pembelajaran Yang Dimiliki Murid Orang Asli	54





4.2.1 Gaya Pembelajaran : Visual	54
4.2.2 Gaya Pembelajaran : Kinestetik	59
4.3 Cabaran Dalam Menyesuaikan Gaya Pembelajaran.	64
4.3.1 Cabaran 1 : Murid Merasakan Mata Pelajaran Fizik Sukar Kerana Guru Hanya Menggunakan Kaedah Menerang Dalam Pembelajaran Fizik.	64
4.3.2 Cabaran 2 : Mata Pelajaran Bosan Kerana Tiada Aktiviti Pergerakan Melibatkan Murid Di Dalam Kelas Fizik.	67
4.3.3 Cabaran 3 : Kedudukan Dalam Kelas Yang Tidak Bersesuaian Menyukarkan Pergerakan Dan Interaksi Murid Orang Asli.	69
4.3.4 Cabaran 4 : Gangguan Visual menyukarkan murid Orang Asli melihat maklumat di papan putih serta mengganggu pembelajaran mereka.	71
4.5 Rumusan	73

## BAB 5 : IMPLIKASI, KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN



5.1 Kesimpulan	75
5.2 Implikasi Kajian	77
5.3 Cadangan Kajian Lanjutan	79
<b>RUJUKAN</b>	82
<b>LAMPIRAN</b>	90





## Senarai Rajah

Rajah 1 :	Kerangka teori kajian diadaptasi daripada teori Model Dunn & Dunn serta Model Fleming VARK	<b>18</b>
Rajah 2 :	Model gaya pembelajaran Dunn & Dunn	<b>26</b>
Rajah 3 :	Model gaya pembelajaran Fleming VARK	<b>27</b>
Rajah 4 :	Ringkasan prosedur pengumpulan data	<b>46</b>
Rajah 5 :	Fasa analisis Tematik	<b>49</b>





## Senarai Gambar

Gambar 1 :	Ulasan pakar instrumen protokol temu bual	40
Gambar 2 :	Ulasan pakar instrumen protokol temu bual	41
Gambar 3 :	Ulasan pakar instrumen protokol temu bual	42
Gambar 4 :	Ulasan pakar instrumen protokol temu bual	43
Gambar 5 :	Ulasan pakar instrumen protokol temu bual	44
Gambar 6	Ulasan pakar instrumen borang refleksi kendiri	45
Gambar 7 :	Pemerhatian terhadap guru dan murid Orang Asli di dalam kelas Fizik.	56
Gambar 8 :	Jawapan murid terhadap borang refleksi kendiri yang diberikan.	57
Gambar 9 :	Pemerhatian terhadap guru dan murid Orang Asli di dalam kelas Fizik.	62
Gambar 10 :	Jawapan murid terhadap borang refleksi kendiri yang diberikan.	63
Gambar 11 :	Pemerhatian terhadap guru dan murid Orang Asli di dalam kelas Fizik.	65
Gambar 12 :	Jawapan murid terhadap borang refleksi kendiri yang diberikan.	66
Gambar 13 :	Pemerhatian terhadap guru dan murid Orang Asli di dalam kelas Fizik.	67
Gambar 14 :	Jawapan murid terhadap borang refleksi kendiri yang diberikan.	68
Gambar 15 :	Pemerhatian terhadap guru dan murid Orang Asli di dalam kelas Fizik.	70
Gambar 16 :	Pemerhatian terhadap guru dan murid Orang Asli di dalam kelas Fizik.	72





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## Senarai Lampiran

Lampiran 1 : Protokol Temubual

Lampiran 2 : Rubrik Pemerhatian

Lampiran 3 : Borang Refleksi Kendiri

Lampiran 4 : Borang Penilaian Kesahan Instrumen

Lampiran 5 : Transkrip Temubual

Lampiran 6 : Lampiran Data Atlas.ti



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pengenalan

Mata pelajaran Fizik menjadi subjek utama dalam aliran sains yang dipelajari oleh murid-murid tingkatan 4 dan 5 di sekolah menengah. Seperti yang tercatat pada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), KSSM Fizik bermatlamat memperkuat minat dan kecenderungan murid dalam mata pelajaran Fizik. Berdasarkan matlamat ini, pelbagai usaha dijalankan untuk memberikan pendidikan kepada para murid untuk meningkatkan lagi potensi mereka secara keseluruhan. Pembelajaran yang baik semestinya diberikan oleh guru dengan harapan segala input yang diberikan itu dapat diterima oleh murid dengan baik. Hal ini



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



demikian kerana, guru akan menjalankan tugasnya iaitu mendidik, membimbing serta meminta untuk para muridnya mencapai matlamat yang terkandung dalam KSSM Fizik dengan sebaiknya (Abdurrahman & Kibtiyah, 2021).

Mata pelajaran Fizik ini juga turut dipelajari oleh murid-murid daripada golongan Orang Asli apabila terdapatnya murid Orang Asli yang memilih aliran Sains sewaktu di tingkatan 4 sekolah menengah. Situasi ini merupakan satu situasi yang positif terhadap pendidikan Orang asli apabila terdapatnya minat untuk mendalami bidang Sains dalam kalangan mereka. Penerimaan tentang pendidikan dalam kalangan murid Orang Asli juga dalam keadaan yang memberangsangkan sehingga ibu bapa kepada murid Orang Asli ini mengharapkan lebih banyak usaha dapat dilakukan bagi menarik minat anak-anak untuk ke sekolah dan menanam kefahaman kepada mereka tentang kepentingan pelajaran (Lilia, 2023).



Gaya pembelajaran yang sesuai dengan murid adalah penting bagi memudahkan mereka mengenali kekuatan dan kelemahan yang terdapat pada diri mereka. Apabila gaya belajar yang bersesuaian dapat diimplementasikan maka tugasan yang guru berikan dapat diselesaikan oleh murid dengan sangat baik. Gaya pembelajaran merupakan cara yang konsisten untuk bertindak balas dengan rangsangan dalam proses pembelajaran (Mahadi at. el, 2022).

Gaya pembelajaran seseorang murid dapat dikatakan apabila mereka mencuba untuk mengadaptasi sesuatu strategi pembelajaran yang sesuai dengan diri mereka. Hal ini kerana, gaya pembelajaran yang sesuai dengan seseorang murid itu adalah kunci kepada keberhasilan dalam mencapai pembelajaran yang efektif seterusnya menentukan karakteristik murid dalam





menyesuaikan gaya pembelajaran terhadap pembelajaran yang bervariasi (Abdurrahman & Kibtiyah, 2021).

Gaya pembelajaran yang berbeza-beza dapat dilihat dalam diri setiap murid. Berdasarkan Model VARK, gaya pembelajaran terdiri daripada 4 komponen iaitu visual, auditori, membaca dan juga kinestetik. Oleh yang demikian, komponen-komponen ini adalah penting untuk diketahui oleh mereka dalam memahami dan mengingati setiap maklumat yang diberikan oleh guru semasa proses pembelajaran serta menjawab semua persoalan yang berada di minda (Rahim et al., 2021). Sebagai contoh, murid yang mempunyai gaya pembelajaran secara visual lazimnya mereka gemar untuk belajar menggunakan gambar atau bahan-bahan maujud yang boleh dilihat mereka. Selain itu, murid yang suka belajar dengan mendengar maklumat guru secara lisan dikategorikan dalam pembelajaran secara auditori. Di samping itu, gaya pembelajaran *read* atau membaca dilihat apabila murid itu lebih cenderung untuk mempelajari sesuatu dengan menggunakan bahan-bahan bertulis. Seterusnya, murid yang mempelajari sesuatu dengan menggunakan pergerakan atau amali tergolong di dalam kinestetik.

Dalam konteks ini, murid-murid Orang Asli juga dapat dilihat mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Murid Orang Asli juga tidak terlepas dengan cabaran dalam menyesuaikan gaya pembelajaran mereka. Hal ini kerana, mereka kadang-kala sukar untuk memahami sesuatu topik yang dipelajarinya dan bagi memahami sesuatu pembelajaran itu, gaya pembelajaran yang paling tepat perlu diambil berat oleh mereka. Oleh itu, bagi memahami pembelajaran murid Orang Asli, gaya pembelajaran yang dimiliki oleh mereka seharusnya juga diketahui bagi memudahkan lagi proses pembelajaran dan mencapai hasil





pembelajaran seperti yang diharapkan (Mozaffari et al., 2020).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia memberikan keutamaan kepada pembangunan pendidikan sejak kemerdekaan pada tahun 1957. Penekanan terhadap pendidikan Sains bermula pada tahun 1960 yang melalui usaha dan komitmen untuk meningkatkan kualiti pendidikan Sains. Pada peringkat menengah atas iaitu tingkatan 4 dan 5, mata pelajaran Fizik diperkenalkan dan diajar sebagai salah satu mata pelajaran teras serta diberi penekanan sehingga ke peringkat lepasan menengah (Makhtar et al., 2020). Pengenalan kepada KSSM Fizik ini bermatlamat untuk menghasilkan murid berliterasi sains dengan memberi pengalaman pembelajaran dalam proses memahami konsep fizik, membangunkan kemahiran, menggunakan pelbagai strategi

dan mengaplikasikan pengetahuan fizik berlandaskan sikap saintifik dan nilai murni serta memahami kesan perkembangan sains dan teknologi dalam masyarakat (KPM, 2018).

Situasi di Malaysia menunjukkan terdapat juga murid daripada golongan Orang Asli yang layak untuk memasuki kelas aliran sains dan mengambil mata pelajaran Fizik semasa di tingkatan 4 dan 5. Bukan itu sahaja, mereka turut menyatakan minat untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu universiti (Nor, 2018). Hal ini menunjukkan bahawa terdapat murid daripada golongan Orang Asli yang juga berpeluang untuk mencebur入 bidang STEM dan seterusnya meneruskan pendidikan serta kerjayanya dalam bidang ini. Hal ini dapat dilihat seiring dengan objektif yang dinyatakan dalam DSKP Fizik iaitu KSSM Fizik dapat menyediakan murid untuk meneruskan pendidikan lanjutan dan kerjaya dalam bidang STEM (KPM, 2018).





Namun yang demikian, bilangan murid yang mengambil mata pelajaran Fizik ini masih lagi dalam jumlah yang sedikit dan kurang memuaskan (Makhtar et al., 2020). Hal ini kerana mereka merasakan bahawa bidang Sains ini ialah satu perkara yang sukar. Malah, terdapat murid dari golongan Orang Asli ini yang keluar daripada aliran Sains kerana berasa sukar untuk terus berada di dalam bidang ini (Sartika, 2019). Kesukaran murid untuk belajar di dalam kelas dikaitkan dengan pelbagai cabaran yang berkaitan dengan gaya pembelajaran yang dimiliki oleh mereka semasa di dalam kelas (Yew, 2021). Hal ini dapat dilihat apabila mereka sukar untuk mengadaptasi gaya pembelajaran mereka yang tersendiri sewaktu pembelajaran di dalam kelas. Apabila murid dapat menyesuaikan gaya pembelajaran yang tersendiri, mereka akan merasa lebih mudah untuk memahami maklumat yang diberikan oleh guru. Manakala, murid tidak dapat menyesuaikan diri mereka melalui gaya pembelajaran tersendiri dengan pengajaran yang dibawa guru seterusnya akan memberikan kesan negatif dalam pencapaian mereka (Yusof, 2021).



### 1.3 Pernyataan Masalah

Terdapat golongan murid Orang Asli yang mengambil aliran STEM di Malaysia, namun mereka masih lagi dalam jumlah yang sedikit. Terdapat juga mereka yang keluar dari bidang ini kerana sebab-sebab tertentu. Dalam situasi ini, kita dapat melihat terdapatnya kesukaran mereka untuk terus berada dalam bidang ini dan mempelajari mata pelajaran Fizik khususnya.

Kesukaran ini menjadi cabaran yang dilalui oleh para murid Orang Asli ini dalam menentukan gaya pembelajaran yang tepat dan sesuai untuk diri mereka. Cabaran yang





dihadapi ini dikaitkan dengan gaya pembelajaran yang dimiliki oleh murid Orang Asli kerana mereka juga mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza-beza. Strategi pengajaran yang digunakan oleh guru yang berbeza dengan gaya pembelajaran murid akan membuatkan murid kurang minat dan cepat bosan dalam aktiviti pembelajaran (Kashfi et al., 2022). Hal ini akan mendatangkan kesan kepada murid Orang Asli seperti ketidakhadiran ke sekolah, mengganggu rakan sekelas dan tidak membuat latihan yang diberikan oleh guru apabila gaya pembelajaran mereka tidak bersesuaian dengan strategi pengajaran (Yew, 2021).

Kajian lepas telah banyak menunjukkan pelbagai gaya pembelajaran yang dimiliki oleh murid yang mengambil mata pelajaran Fizik. Namun, penyelidikan berkaitan gaya pembelajaran di dalam kelas Fizik dalam kalangan murid Orang Asli masih kurangnya dijalankan jika dibandingkan dengan penyelidikan tentang gaya pembelajaran yang melibatkan kaum lain (Zakari et al., 2022). Justeru itu, kajian ini akan dijalankan untuk memahami gaya pembelajaran yang dimiliki murid dari golongan Orang Asli di dalam kelas Fizik dan mengetahui cabaran yang dilalui oleh mereka dalam menentukan gaya pembelajaran yang sesuai terhadap proses pembelajaran.

Dapatan kajian ini penting untuk membolehkan murid mengetahui gaya pembelajaran yang lebih sesuai untuk mereka bagi memenuhi keperluan dalam meningkatkan pencapaian akademik mereka. Dapatan kajian ini juga penting untuk membolehkan pihak ibu bapa dan pentadbir sekolah bekerjasama dan merancang pendekatan yang sesuai untuk membantu murid Orang Asli sekolah menguasai mata pelajaran Fizik seterusnya meningkatkan lagi kualiti murid Orang Asli untuk duduk sebaris dengan kaum-kaum lain sama ada di dalam negara maupun di luar negara.





## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah bertujuan:

1. Mengenal pasti gaya pembelajaran yang dimiliki oleh murid daripada golongan orang asli di dalam kelas mata pelajaran Fizik.
2. Mengenal pasti cabaran yang dilalui murid Orang Asli bagi menyesuaikan gaya pembelajaran di dalam kelas Fizik.

## 1.5 Persoalan Kajian

Perkaitan antara gaya pembelajaran Fizik yang digunakan murid Orang Asli dan cabaran

dalam murid memilih menggunakan gaya pembelajaran tersendiri di dalam kelas. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti:

1. Apakah gaya pembelajaran yang dimiliki oleh murid Orang Asli di dalam kelas Fizik?
2. Apakah cabaran yang dilalui oleh murid Orang Asli dalam menyesuaikan gaya pembelajaran di dalam kelas Fizik?

## 1.6 Kerangka Konsep Kajian


Teori kajian ini adalah berdasarkan dua model teori pembelajaran iaitu Model Dunn dan Dunn serta Model VARK Fleming dimana kajian ini memfokuskan pemerhatian terhadap tingkahlaku murid Orang Asli di dalam kelas Fizik. Proses pengajaran yang





diberikan oleh guru menjadi satu elemen rangsangan kepada murid untuk mengadaptasi gaya pembelajaran tersendiri semasa proses pengajaran berlaku. Aspek-aspek di dalam model Dunn & Dunn akan dilihat jika ianya mempengaruhi model VARK setiap murid Orang Asli yang dikaji. Seterusnya, gaya pembelajaran yang sesuai dan tepat meningkatkan lagi kebolehupayaan murid Orang Asli ini dalam pencapaian mata pelajaran Fizik. Hal ini demikian memperuntukkan pengkaji untuk mengkaji cabaran yang dilalui peserta kajian dalam mencapai gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan diri mereka terhadap proses pembelajaran di dalam kelas Fizik.

#### Orang Asli yang mengambil Fizik



**Rajah 1:** Kerangka teori kajian diadaptasi daripada teori Model Dunn & Dunn serta Model Fleming VARK.

Persekitaran, emosional, sosiologikal, fizikal dan psikologikal adalah lima kategori dalam model Dunn & Dunn yang dilihat akan mempengaruhi gaya pembelajaran visual, audio, membaca dan kinestetik murid. Seterusnya, berdasarkan model ini, pengumpulan data





melalui cabaran murid dalam mempengaruhi model VARK juga akan diambil kira.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat membantu para murid untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan diri mereka. Gambaran tentang gaya pembelajaran ini dapat membantu murid-murid Orang Asli dan guru dalam memberi panduan terbaik dalam menghadapi masalah berkaitan proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Fizik.

### 1.7.1 Murid Orang Asli

Membantu murid Orang Asli untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang dimiliki oleh mereka. Kajian ini dapat mengetahui cabaran yang dilalui oleh setiap murid dalam menyesuaikan gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan pengajaran guru. Hal ini dapat membantu murid Orang Asli untuk lebih memahami sesuatu maklumat yang diberikan guru apabila mereka mempelajarinya dengan gaya pembelajaran yang tersendiri.

### 1.7.2 Guru

Membantu guru untuk mempunyai strategi pengajaran yang lebih baik terhadap gaya pembelajaran murid yang berbeza-beza. Pengetahuan tentang gaya pembelajaran murid juga memudahkan guru untuk membina strategi pengajaran yang lebih baik terhadap tahap kognitif murid yang berbeza seterusnya meningkatkan lagi pencapaian akademik mereka.





### 1.7.3 Pihak sekolah

Memberi maklumat kepada pihak sekolah serta pentadbir tentang pentingnya pengetahuan gaya pembelajaran yang dimiliki oleh murid Orang Asli di dalam kelas Fizik. Pihak sekolah perlulah mencari inisiatif dalam memenuhi keperluan gaya pembelajaran murid Orang Asli di sekolah. Oleh itu, guru serta murid dapat menjalani proses pembelajaran dengan baik.

### 1.7.4 Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Perak boleh merangka strategi dan program untuk membantu pembelajaran Orang Asli. Pihak JPN Perak boleh mengadakan bengkel, seminar dan latihan insentif kepada guru-guru dalam menyediakan kemahiran dan pengetahuan dalam pembentukan pembelajaran murid Orang Asli.



Dapatan kajian ini juga dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) merangka dan mengimplementasikan langkah-langkah yang sesuai bagi setiap murid Orang Asli mengadaptasi gaya pembelajaran di dalam kelas Fizik.

## 1.8 Batasan Kajian

Peserta kajian ialah murid Tingkatan 4 aliran Sains daripada sekolah yang terpilih di daerah Kampar, Perak. Murid yang dijadikan responden kajian dan sampel diambil berdasarkan keturunan Orang Asli yang mengambil mata pelajaran Fizik di sekolah. Lokasi kajian hanya





berfokus pada waktu pembelajaran Fizik di dalam kelas sahaja.

## 1.9 Definisi Operasi

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini yang memerlukan pendefinisian yang lebih terperinci:

### 1.9.1 Orang Asli

Menurut Kamus Dewan edisi keempat, Orang Asli membawa maksud penduduk asal sesebuah negeri. Menurut Hasan Mat Nor (1998), umumnya istilah pribumi digunakan bagi merujuk kepada kumpulan-kumpulan etnik natif kepada sesuatu wilayah yang dituntut dan dipertahankan sepenuhnya oleh sebuah negara di mana mereka ini telah datang di wilayah tersebut lama sebelum wilayah itu wujud sebagai sebuah negara yang berdaulat. Orang asli merupakan kaum minoriti yang kurang daripada satu peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia (Ng et al., 2022).

### 1.9.2 Gaya Pembelajaran

Peterson (1971) mentakrifkan gaya pembelajaran sebagai pendekatan yang digemari oleh seseorang murid. Dunn dan Dunn (1978), dalam buku *Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach*, merujuk gaya pembelajaran sebagai cara seseorang individu menumpukan perhatiannya untuk memahami dan mengingati sesuatu maklumat atau kemahiran baru.





### 1.9.3 Cabaran

Cabaran boleh didefinisikan sebagai rintangan atau kesukaran yang dihadapi oleh murid yang akan membawa kesan negatif terhadap mereka dalam menjalani proses pembelajaran menurut Muhammad Sukri, Mohd Anuar & Ting, (2007).

### 1.10 Rumusan

Bab ini telah pun menerangkan tentang sebab kenapa penyelidikan ini dijalankan, perancangan penyelidikan seperti tujuan kajian dan kepentingan kajian dalam mengenal pasti gaya pembelajaran serta cabaran dalam menyesuaikan gaya pembelajaran di dalam kelas Fizik. Oleh itu, pengkaji mempunyai struktur yang baik untuk menjalankan kajian dengan

